

03 MAR 1997

Halim-Teknologi

PROGRAM IT NEGERI PERLU SELARAS, KATA KSN

LANGKAWI, 3 Mac (Bernama) -- Ketua Setiausaha Negeri Datuk Abdul Halim Ali hari ini berkata program teknologi maklumat (IT) yang dikendalikan oleh kerajaan-kerajaan negeri perlu diselaraskan dengan pendekatan negara dalam bidang itu.

Menurutnya, semua program itu perlu dilaksanakan secara bersepadu supaya matlamat negara untuk membangunkan teknologi dapat memberi kesan yang menyeluruh.

"Kita berharap semua program yang berasingan itu dapat disepadukan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan seminar tertutup mengenai Rancangan Malaysia Ketujuh untuk pegawai kanan kerajaan-kerajaan negeri, anjuran Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri, di sini.

Abdul Halim berkata beberapa negeri telah mengemukakan cadangan masing-masing dalam bidang teknologi maklumat dan ada yang sudah melaksanakannya.

Katanya seperti di peringkat persekutuan, pegawai-pegawai perkhidmatan awam di negeri diberi latihan dalam penggunaan komputer serta didedahkan kepada teknologi maklumat.

"Program masing-masing memberi perhatian kepada latihan dan penyediaan kemudahan dan peralatan," katanya.

Beliau mengakui bahawa tahap kemampuan kakitangan awam dalam penggunaan komputer masih rendah dan ini memerlukan program latihan yang berterusan.

Katanya, langkah itu adalah sebahagian daripada pendekatan negara untuk meningkatkan kemahiran dalam bidang IT agar negara tidak ketinggalan dalam arus kemajuan teknologi tersebut.

Sementara itu, ketika diminta penjelasan mengenai kenyataannya bahawa beliau tidak berpuas hati dengan tahap perkhidmatan kakitangan awam memandangkan masih banyak aduan yang diterima mengenainya, Abdul Halim berkata apa yang dimaksudkannya ialah masih ada ruang bagi kakitangan awam meningkatkan mutu perkhidmatan.

"Walaupun mutu perkhidmatan sektor awam sudah meningkat namun kita tidak boleh berpuas hati dengan pencapaian itu tetapi perlu berusaha meningkatkan lagi mutu perkhidmatan," katanya.

Abdul Halim berkata ada aduan yang diterima itu mengandungi dakwaan yang serius dan ada yang sebaliknya.

"Tetapi, walaupun ada aduan tidak bermakna mutu perkhidmatan awam tidak meningkat," katanya.

Beliau memberi contoh perkhidmatan kaunter di beberapa jabatan kerajaan yang telah menunjukkan kemajuan dengan mengurangkan tempoh menanti dengan begitu ketara.

"Bagaimanapun, sekiranya tempoh menanti sekarang 15 minit, kita harus mencari jalan untuk mengurangkan lagi tempoh itu...itulah ruang untuk meningkatkan mutu perkhidmatan."

Abdul Halim berkata kakitangan awam tidak harus berpuas hati dengan tahap perkhidmatan mereka tetapi perlu bersedia mencari pendekatan baru dalam menyelesaikan masalah dan mengenal pasti kaedah untuk meningkatkan perkhidmatan masing-masing.

Semalam, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau akan meminta Abdul Halim menjelaskan kelemahan yang terdapat dalam perkhidmatan awam serta aduan-aduan yang diterima. -- BERNAMA

MFJ NMO